

NEXUS TECH SDN BHD MENAWARKAN PERKHIDMATAN BARU *NEXUS TECH SDN BHD OFFERS NEW SERVICE*

Nexus Tech Sdn Bhd (NTSB) sebuah syarikat ditubuhkan oleh Nexus telah melancarkan pakej barunya yang merangkumi pemasangan lengkap tangki air, pam dan penapis sebagai sebahagian daripada perkhidmatannya kepada orang ramai. Ini susulan pelantikannya pada 2 Julai 2021 sebagai ejen atau penjual semula untuk syarikat perkakasan tempatan, Goldmyne Hardware. Di bawah perjanjian itu, Nexus Tech diberi peluang untuk menjual semula dan membuat pemasangan salah satu produk utama Goldmyne. Di samping itu, NTSB juga diberi peluang untuk menjual produk-produk lain di bawah Good Home samaada melalui kaedah jualan di kedai maupun secara dalam talian.

Nexus Tech Sdn Bhd (NTSB) a spin off company of Nexus has launched its new package that includes a complete installation of water tank, pump and filter as part of its service to the general public. This follows its appointment on 2nd July 2021 as an agent or reseller for a local hardware company, Goldmyne Hardware. Under the arrangement, Nexus Tech is given the opportunity to resell and install one of Goldmyne's main products. In addition, NTSB is also authorized to sell other products under Good Home both via retail shop and online.



Kakitangan Nexus Tech menerima tempahan dan kemudian membuat penghantaran tangki air kerumah pelanggan
Nexus Tech staff taking orders and then delivering the water tank to client's premise



Kakitangan melakukan kerja-kerja pemasangan
The staff carrying out the full installation works



Kerja dilakukan dengan baik
Job well done

PEMINDAHAN TANAMAN CILI BERMULA DI LADANG TAMAN AGROTECH CHILLI TRANSPLANTING BEGINS AT AGROTECH PARK FARM

Dengan keselamatan makanan menjadi isu yang menonjol semasa pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, skim yang dimulakan oleh Nexus bersama-sama dengan dua PDC lain untuk menanam cili secara besar-besaran dengan kerjasama Superfish Growers, adalah inisiatif tepat pada masanya dengan permintaan bagi produk cili pada tahap yang tinggi. Pengeluaran cili merah tempatan pada tahun 2020 berjumlah 237,581 kilogram tetapi ia masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tempatan. Kira-kira 216,458 kilogram cili merah masih perlu diimport dari negara jiran untuk memenuhi permintaan tempatan. Minggu lalu, kumpulan pengusaha agro kitani telah memulakan pemindahan tanaman cili kerumah hijau masing-masing di Taman Agrotech di Tungku.

Penggunaan sistem fertigasi dijangka menghasilkan cili berkualiti tinggi. Teknologi ini membolehkan tanaman mendapat saluran air dan disenyawakan dengan cara yang lebih sistematik disamping penggunaan 'coco-peat' yang disusun beberapa baris dalam rumah hijau, berbanding dengan kaedah penanaman secara tradisional berasaskan tanah. Dengan kaedah ini, hasil tuaian boleh mencapai antara 3-5 kilogram setiap pohon. Jika semuanya berjalan lancar, tuaian pertama dijangka dalam masa kira-kira tiga bulan.



Barisan 'coco-peat' dalam rumah-rumah hijau
Rows of coco-peats inside the greenhouses



Anak-anak cili ditanam dalam beg 'cocopeat' yang disusun rapi dalam rumah-rumah hijau
The chilli seedlings planted in the coco-peat bags inside the greenhouses

With food security becoming a prominent issue during the current COVID-19 pandemic in Brunei Darussalam, the scheme initiated by Nexus jointly with the other two PDCs to grow chilli on a large-scale basis in partnership with Superfish Growers, could not have come at a better time with the demand for chilli is at an-all-time high. Local production of red chilli in 2020 amounted to 237,581 kilogrammes but it is still insufficient to meet local demand. Some 216,458 kilogrammes of red chilli still have to be imported from our neighbouring countries to meet local demand. Last week our agrotechnicians began transplanting chilli plants in their respective greenhouses

at the Agrotech Park in Tungku.

The fertigation system is expected to produce top quality chillies. The technology enables the plants to be watered and fertilised in a more systematic way. Using coco-peats arranged neatly in rows inside the greenhouses, as opposed to traditional soil-based method, the yield is expected to be between 3-5 kilogrammes per plant. If everything goes well, the first harvest is expected in about three months.

APA YANG BISKITA PERLU TAHU WHAT YOU NEED TO KNOW



Rumah hijau ini dibina menggunakan batang keluli bergalvani panas dan ditutup dengan sejenis filem Polyethylene (PE) dengan perlindungan UV manakala lantai diperbuat daripada bahan gandum putih yang menawarkan saliran yang baik dan mengawal pertumbuhan rumput. Setiap rumah hijau berukuran 320 meter persegi dan boleh menampung sehingga 840 pohon cili.

The greenhouse is constructed using hot dipped galvanized steel rods and covered with Polyethylene (PE) film with UV protection while the flooring is made of white wheat mat which offers ideal drainage and controls weed growth. Each greenhouse is measuring 320 sq mtr and can hold up to 840 chilli plants.



Setiap pohon cili yang matang boleh menghasilkan antara 3-5 kilogram cili
A fully-grown plant can produce between 3-5 kilograms of chilli



COVID -19




OPERASI PULIH



Operasi Pulih dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi dari hari **Isnin, 18 Oktober** hingga hari **Ahad, 31 Oktober 2021**.



B\$500.00

DENDA KOMPAUN

JIKA INGKAR LARANGAN KELUAR RUMAH
DARI JAM 8:00 MALAM HINGGA 4:00 PAGI

Mulai 13 Oktober 2021, denda kompaun bagi mereka yang ingkar perintah larangan keluar rumah dari jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi akan dinaikkan dari \$100 kepada \$500 bagi setiap kesalahan. Nama pelaku juga akan didedahkan melalui media. Sementara itu, majikan yang pekerjanya mengingkari arahan tersebut juga akan dikenakan denda \$500.



NOTA: Kakitangan Nexus hendaklah mematuhi perintah ini sepenuhnya **KECUALI** diarahkan oleh pihak pengurusan untuk keluar bekerja dalam tempoh masa tersebut disebabkan keperluan mendesak atau kecemasan dengan mendapatkan surat kebenaran khas. Tindakan disiplin juga akan diambil terhadap kakitangan yang melanggar perintah ini.



MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W



Mencintai Cara Rasulullah S.A.W.

BERSAMA

USTAZAH SITI HANISAH BINTI HAJI OTHMAN
dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ISNIN | 18 OKT 2021 | 2:00PTG

ATURCARA

- Bacaan Surah Al-Fatihah
- Ceramah dimulakan
 - Dikir Marhaban
 - Doa Selamat

